

03/09/1998

Tindakan radikal kerajaan untuk kebaikan

TINDAKAN mengejut kerajaan kelmarin menyebabkan wang ringgit tidak lagi laku di luar negara. Kadar tukaran asingnya kini ditetapkan Bank Negara. Mulai semalam, tukaran itu ditetapkan pada kadar RM3.80 bagi setiap satu dolar Amerika Syarikat. Secara ringkasnya langkah terbaru itu bermakna Malaysia menghentikan dagangan bebas tukaran ringgit dengan mata wang asing. Ini dengan sendirinya menutup ruang bagi spekulator menyambar kesempatan untuk menekan ringgit. Jika adapun usaha menjatuhkan lagi mata wang kita, ia tidaklah mudah dilakukan kerana peraturan baru Bank Negara dapat mengawalinya. Nilai ringgit kini tidak lagi mengikut kuasa pasaran yang sudah dianggap sebagai tuhan oleh dunia Barat. Bagi Malaysia, langkah ini adalah kaedah terbaik yang mesti digunakan bagi mengekang kejatuhan ringgit daripada berterusan.

Masyarakat kewangan dunia dan spekulator mungkin berselindung untuk tidak menunjukkan terkejut mereka dengan tindakan itu. Seinggakan ada beranggapan langkah itu hanya satu helah 'menutup' sementara masalah ekonomi yang meruncing. Ramai juga penganalisis ekonomi dan kewangan Barat menyoal langkah yang tidak mereka sangkakan itu yang bertentangan dengan apa dicanangkan badan mata wang dunia.

Apakah selepas sekian banyak syarikat muflis, bank-bank tertekan, harga saham menjunam dan rakyat semakin tertekan masih belum memadai? Apakah juga pelbagai usaha kerajaan kecuali merempat meminta sedekah daripada badan kewangan dunia masih belum mencukupi? Sesungguhnya penganalisis Barat yang bermegah dengan sistem pasaran bebas tanpa sebarang sekatan tidak senang dengan tindakan Malaysia yang tidak mahu tunduk kepada kehendak mereka.

Tidak hairanlah mereka menyoal dan sengaja memperkecilkan kebolehan dan keberanian tindakan terbaru itu. Menerusi kecaman dalam media asing kelmarin, mereka tidak menyangka Malaysia boleh bertindak demikian. Malah George Soros sendiri, sebelum ini begitu yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan melaksanakan cadangan mengharamkan urus niaga ringgit secara bebas dan meminta dunia jangan memberi perhatian serius kepada saranan Perdana Menteri itu.

Di sebalik kecaman itu, rakyat yang sudah diingatkan awal lagi tetap menyokong keputusan itu. Lagipun, Malaysia sebelum ini lantang mendesak dan menegaskan kepada masyarakat antarabangsa agar mengawal sistem lapuk itu. Ramai mengetahui jual-beli mata wang yang berleluasa sebagai komoditi boleh diperalatkan spekulator untuk memusnahkan ekonomi sesebuah negara sebagaimana berlaku di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan. Malaysia sendiri tidak mahu diperlakukan demikian demi kepentingan rakyatnya.

Tidak dinafikan langkah menetapkan nilai mata wang itu boleh memberi kesan kepada Malaysia dari segi imej dan terasing di mata dunia. Tetapi demi mempertahankan masa depan dan kesejahteraan rakyat seterusnya menyedarkan dunia sejagat, tindakan drastik perlu agar rejim kuno itu tidak dapat terus digunakan spekulator untuk menjahanamkan negara. Walaupun kaedah Malaysia ini luar biasa berbanding langkah beberapa negara lain termasuk China dan Hong Kong, lambat-laun ia pasti diterima terutama kalangan negara membangun apabila kesannya terserlah memandangkan sistem sekarang banyak cacat celanya.

Masyarakat dunia mesti dilindungi daripada spekulator yang tamak-haloba mengaut keuntungan tanpa menghiraukan akibat tindakan mereka terhadap rakyat jelata. Urus niaga mata wang sepatutnya hanya untuk membiayai

perdagangan tulen. Kegiatan urus niaga mata wang ini bukanlah suatu aktiviti ekonomi yang produktif dan tidak pula membawa manfaat ketara kepada perdagangan dunia. Tidak ada juga peluang pekerjaan besar diwujudkan mahu pun barangan dan perkhidmatan dihasilkan menerusi kegiatan itu untuk dikongsi penduduk dunia. Malah ia secara sulit dan samar-samar membabitkan perpindahan wang amat besar jumlahnya dari sebuah bank ke bank lain hanya melalui pindahan angka.

Tindakan kerajaan ini juga memaksa rakyat Malaysia yang menyimpan ringgit di luar negara membawanya balik. Ini sudah tentu akan meningkatkan kecairan kewangan demi kepentingan sistem perbankan dalam negara. Kini dianggar mereka itu menyimpan antara RM20 billion hingga RM25 billion di luar negara. Sejumlah RM17 billion daripadanya berada di bank-bank Singapura yang dengan sengaja menawarkan kadar faedah tinggi untuk simpanan ringgit. Sudah tentu kemasukan kembali sejumlah wang demikian itu akan menggalakkan kegiatan ekonomi semula. Harapannya langkah berani dan radikal ini akan menyekat penguncupan dan rakyat akan lambat laun dapat menikmati keadaan yang lebih stabil di mana kita boleh mengharapkan kembali perkembangan ekonomi.

(END)